

Headline	Hasil tanam labu lumayan		
MediaTitle	Sinar Harian (Kelantan)		
Date	01 Aug 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	49	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	296 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,347
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,040



Hasil tanam *labu lumayan*

Tempoh tanaman singkat, ditanam secara bergilir dengan tembikai

KUALA BALAH - Tempoh penanaman singkat selain hasil agak lumayan mendorong ibu tunggal, Shamsiah Yusoff, mengusahakan tanaman labu di sini.

Shamsiah, 54, dibantu anak sulungnya, Hakimi Rosli, 31, berkata, tanaman labu juga lebih mudah diuruskan dan tidak memerlukan penjagaan rapi sebagai mana se-setengah tanaman lain.

“Senang nak jaga, tempoh penanaman pun tak lama, dalam dua bulan lebih dah boleh petik (tuai).”

“Penjagaan dan pengurusannya juga tidak rumit, hanya pastikan ia dibaja dan diracun mengikut jadual ditetapkan,” katanya ketika ditemui di kawasan tanaman labunya di tapak Projek Diraja Jeli, semalam.

Menurutnya, dia pernah memperoleh pendapatan se-

hingga RM10,000 semusim ketika tanaman seluas 0.8 hektar yang diusahakan itu mengeluarkan hasil dengan baik.

“Pendapatan tak mementu, kalau ketika tanaman sihat dan mengeluarkan hasil dengan baik memang lumayan. Tapi ada juga musim tertentu, hanya dapat pulangan modal sahaja sebanyak RM2,000 sahaja,” katanya.

Shamsiah berkata, tanaman labu yang diusahakan secara bergilir-gilir dengan tembikai lebih lima tahun itu menjanjikan hasil agak lumayan jika tidak di-

ancam musuh tanaman.

“Tembikai pun melalui tempoh yang singkat, dan memberikan pulangan lumayan sekiranya tidak diancam

musuh tanaman. Sebab itu, kebanyakan peserta projek memilih mengusahakan tembikai,” katanya.

Shamsiah berkata, hasil tanaman diusahakan diserahkan kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) untuk tujuan pasaran.

INFO • Pernah peroleh pendapatan sehingga RM10,000 semusim ketika tanaman dalam keadaan baik



Shamsiah menunjukkan labu diusahakan telah dituai sebelum diserahkan kepada Fama.



Shamsiah dibantu penduduk kampung menuai labu selepas dua bulan tempoh penanaman.